



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
10 JULAI 2019 (RABU)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



KERATAN AKHBAR 10 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	Berita Harian
TAJUK BERITA	'Kaunter segera' punca kes cerai tinggi di Selangor
MUKA SURAT	5

'Kaunter segera' punca kes cerai tinggi di Selangor

Proses boleh selesai hanya dalam tempoh enam jam:
Jalaludin

Oleh Mohd Anwar
Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Proses 'perceeraian ekspres' di Selangor yang hanya mengambil masa selama enam jam dikatakan antara punca negeri itu mencatat kes perceraian tertinggi di negara ini.

Perkara itu dibangkitkan oleh Datuk Jalaludin Alias (BN-Jelebu) dalam sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, semalam.

"Saya melihat kewujudan kaunter perceraian segera di Selangor sebagai punca kadar cerai yang tinggi di negeri itu.

"Sesiapa yang minta cerai, bagi. Dalam tempoh enam jam boleh bercerai. Jika seorang isteri tak puas hati dengan suami, dia dibenarkan cerai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika meminta penjelasan daripada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh, apakah langkah kerajaan bagi menangani kes perceraian yang meningkat di seluruh negara.

Sebelum itu, Yeoh memaklumkan Selangor mencatat kadar kes perceraian tertinggi di seluruh negara, diikuti Johor.

Bagaimanapun, Yeoh berkata Selangor mencatatkan kes perceraian tertinggi kerana negeri berkenaan berpenduduk ramai berbanding yang lain.

Katanya, pada 2017, sebanyak 8,794 kes cerai pasangan Islam dan 2,068 kes cerai pasangan bukan Islam dicatatkan di Selangor berbanding 4,441 kes cerai pasangan Islam dan 1,526 kes cerai pasangan bukan Islam yang dicatatkan di Johor.

Justeru, Yeoh berkata kementerian bercadang menawarkan 'ujian keserasian' untuk bakal pengantin baru sebagai langkah mengurangkan kes perceraian dalam kalangan pasangan muda.

Katanya, statistik Kajian Penduduk dan Keluarga Kelima (KPKM-5) menunjukkan perceraian dalam kalangan pasangan muda di seluruh Malaysia berlaku dalam lima tahun pertama mendirikan rumah tangga dan alasan yang digunakan adalah kerana tiada persefahanan.

"Kita lihat orang terburu-buru untuk berkahwin tetapi mereka tidak mengenali diri sendiri dan tidak mengenali pasangan.

"Maka kita juga pertimbangkan sama ada hendak wujudkan *compatibility test* untuk orang bujang sebelum mereka



Saya melihat kewujudan kaunter perceraian segera di Selangor sebagai punca kadar cerai yang tinggi di negeri itu. Sesiapa yang minta cerai, bagi. Dalam tempoh enam jam boleh bercerai. Jika seorang isteri tak puas hati dengan suami, dia dibenarkan cerai.

*Jalaludin Alias,
Ahli Parlimen (BN-Jelebu)*

berkahwin supaya mereka boleh datang (buat ujian keserasian).

"Orang yang hendak kahwin, kalau mereka ingin tahu sama ada pasangan mereka sesuai atau tidak, mereka boleh buat *compatibility test* dulu," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Azizah Mohd Dun (PH-Beaufort).

Azizah bertanya sama ada tempoh kursus praperkahwinan yang berlangsung selama dua hari bagi pasangan bakal berkahwin perlu ditambah atau ditambah baik, bagi mengatasi punca perceraian itu.

Yeoh berkata, kementeriannya sedang mempertimbangkan untuk mewujudkan kandungan kursus program praperkahwinan itu melalui kaedah dalam talian.

"Ini kerana, walaupun mereka hadiri kursus dua hari, tapi dalam dua hari itu, mereka hanya main telefon saja dan tidak mendengar nasihat," katanya.

Selain itu, katanya, kementerian juga mengadakan sesi libat urus dengan beberapa agensi dan badan bukan kerajaan untuk kursus praperkahwinan bukan Islam dan Islam bagi mengenal pasti elemen atau topik yang perlu ditambah nilai.

"Perbincangan juga akan diadakan bersama Jabatan Pendaftaran Negara sama ada kursus praperkahwinan akan turut diwajibkan untuk pasangan bukan Islam," katanya.



KERATAN AKHBAR 10 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	Berita Harian
TAJUK BERITA	Jenazah Tengku Besar Putra Selangor selamat dimakam
MUKA SURAT	5

Jenazah Tengku Besar Putra Selangor selamat dimakam



Sultan Sharafuddin Idris Shah menyiram air mawar di pusara Almarhum Tengku Ismail Shah di Makam Diraja Klang, semalam.

Klang: Jenazah Tengku Besar Putra Selangor, Tengku Ismail Shah Ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah, selamat dimakamkan di Makam Diraja Klang, pada jam 11.30 pagi semalam.

Almarhum adalah ayahanda saudara kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mencemar duli menziarahi pemakaman dengan diringi Tengku Laksamana Selangor, Tengku Sulaiman Shah.

Tengku Ismail Shah, 84, mangkat di Pusat Perubatan Subang Jaya pada jam 8 malam kelmarin, kerana sakit tua.

Sebelum pemakaman, jenazah dibawa ke Masjid Diraja Istana Alam Shah, di sini, pada jam 9.30 pagi, kemudian dimandi, dikafan dan disembahyangkan dengan solat jen-

zah diimamkan Timbalan Mufti Selangor, Datuk Dr Anhar Opir.

Jenazah kemudian dibawa ke makam kira-kira jam 10 pagi.

Yang turut hadir menziarah, Menteri Besar Selangor, Amirudin Sharif; Pengurus Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohammed Khusrin Munawi; dan Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaludin.

Sementara itu, menurut laman sosial Facebook Royal Selangor Official, kelmarin, Almarhum Tengku Ismail Shah berusia 84 tahun mangat.

Tengku Ismail Shah diputerakan pada 26 Jun 1935 adalah anakanda kepada Sultan Selangor ketujuh, Sultan Hisamuddin Alam Shah, serta adinda kepada Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



KERATAN AKHBAR 10 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Cerai ekspres di Selangor punca statistik tertinggi?
MUKA SURAT	9

Cerai ekspres di Selangor punca statistik tertinggi?

KUALA LUMPUR 9 Julai - Kes perceraian di Selangor dicatatkan tertinggi di Malaysia disebabkan proses perceraian ekspres telah diperkenal di negeri itu.

Datuk Jalaluddin Alias (BN-Jelebu) memberitahu, negeri berkenaan memperkenalkan proses perceraian ekspres menerusi kaunter khas yang hanya mengambil masa selama enam jam.

"Di Selangor, saya lihat ada satu kaunter khas, enam jam boleh selesai kes perceraian. Saya nak bagi tuhan rakan-rakan dewan, nak cerai hanya enam jam. Sesiapa yang minta cerai, bagi. Jika seorang isteri tak puas hati dengan suami, dia dibenarkan cerai," katanya.

Jalaluddin berkata demikian ketika meminta penjelasan



JALALUDDIN ALIAS

daripada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh mengenai langkah kerajaan menangani kes perceraian yang meningkat di seluruh negara.

Bagaimanapun, Hannah berkata, Selangor dan Johor mencatatkan jumlah tertinggi perceraian kerana kadar populasi yang tinggi di kedua-dua negeri itu.

Menurut Hannah, pada tahun 2017, katanya, sebanyak 8,794 kes cerai bagi pasangan Islam dan 2,068 kes untuk bukan Islam di Selangor manakala 4,441 kes perceraian antara pasangan Islam dan 1,526 bagi bukan Islam di Johor.

Hannah malah berkata, kerementeriannya juga sedia menawarkan 'ujian keserasian' untuk bakal pengantin sebagai lang-

kah mengurangkan kes percerai dalam kalangan pasangan muda.

Katanya, statistik Kajian Penduduk dan Keluarga Kelima (KPJM-5) menunjukkan percerai dalam kalangan pasangan muda di seluruh Malaysia terjadi selepas lima tahun mendirikan rumah tangga dan alasan yang digunakan adalah kerana tiada persefahaman.

"Kita lihat orang terburu-buru untuk berkahwin tetapi mereka tidak mengenali diri sendiri dan tidak mengenali pasangan. Maka kita juga perluimbangkan sama ada hendak wujudkan *compatibility test* untuk orang yang bujang sebelum mereka berkahwin supaya mereka boleh datang (buat ujian keserasian)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan soalan tambahan **Datuk Azizah Mohd. Dun (PH-Beaufort)** pada sesi pertanyaan-pertanyaan lisan.



KERATAN AKHBAR 10 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	P3S bantu pengusaha premis peroleh lesen
MUKA SURAT	47



AMIRUDIN SHARI (tengah) selepas merasmikan program Pemurnian Pelancongan Selangor (P3S) di Taman Tasik Millenium, Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor baru-baru ini.

P3S bantu pengusaha premis peroleh lesen

KUALA KUBU BHARU 9 Julai

- Kerajaan negeri memperkenalkan program Pemurnian Pelancongan Selangor (P3S) bagi menyelesaikan isu pembinaan premis pelancongan tanpa kebenaran di negeri ini.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, semua premis pelancongan termasuk inap dusun diminta mendaftar di bawah program tersebut bagi mendapatkan Lesen Tred Perniagaan dari pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menurutnya, lesen berkenaan membolehkan pengusaha terbabit berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sekali gus dipromosikan dalam kalender tahunan negeri.

“Saya dimaklumkan di Hulu Selangor terdapat 56 pengusaha inap desa tapi daripada jumlah itu, hanya empat sahaja yang ada kelulusan dari Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

Keadaan ini amat membimbangkan kerana ia melibatkan jaminan keselamatan kepada pengunjung.

“Program P3S adalah secara sukarela dan walaupun akan ada cukai selepas ini tapi ia memberi kebaikan kepada pengusaha premis pelancongan dan kita boleh promosikan produk mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan majlis pelancaran program P3S di Taman Tasik Millenium

Kuala Kubu Bharu di sini.

Yang hadir sama Pengurus Jawatankuasa Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan Selangor, Datuk Abdul Rashid Asari, Yang Dipertua MDHS, Shukri Mohammad Hamin dan Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Raja Muzaffar Raja Redzwa.

Amirudin berkata, program P3S akan dilaksanakan dalam tempoh setahun bagi memberi peluang semua premis pelancongan berbuat demikian.

Sementara itu, Shukri berkata, pihaknya diamanahkan sebagai perintis program tersebut dengan menyediakan garis panduan yang dilakukan sejak 2016 membabitkan 20 agensi.



KERATAN AKHBAR

10 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	Smoke gets in their eyes
MUKA SURAT	2

Smoke gets in their eyes

Open burning in Saujana Rawang keeps residents up at night, trapped at home in daytime

By CHRISTINA LOW and PRISILLIA ANN PATRICK
christinalow@thestar.com.my

AFTER two weeks of sleepless nights, residents at a low-cost apartment in Saujana Rawang can no longer put up with the nightly open burning activities near their homes.

"It starts just after midnight, every day and the smell is unbearable," said Pangaspuri Nur Fasa 20A Residents Association chairman Zulkefly Deli.

He said residents used to meet up after dinner in the common area at the six-storey apartments but had to retreat to their units when the open burning began.

The smoke and stench is causing breathing problems for Siti Fatimah Md Roslan's young children and others living in the neighbourhood.

"My children have been coughing for the past week and are having trouble breathing.

"We have been keeping the windows locked throughout as the smoke is unbearable," she added.

Some of the children who usually play on the ground floor of the flats have also stopped meeting up in the morning.

Siti Fatimah said they had resorted to playing indoors and would only go outdoors after a downpour.

"When it rains the smell goes away and we get to come out and enjoy the fresh air, before it becomes polluted again at night," said the 36-year-old.

Another resident, Mohammad Azlan Hassan, who lives on the fourth floor, said he could spot the open burning in the morning from his unit.

"The fire has died down but we can see smoke coming from different spots and they are close to one another," he said, figuring that the culprits might have chosen to burn in small quantities to avoid being caught.

He suspected the burning mate-

rials might be plastic as there was a strong chemical smell in the air.

Mohammad Azlan took StarMetro to the rooftop of the six-year-old building to show us the burning sites.

The apartment block is surrounded by lush greenery, undeveloped private land and the Sungai Gasing running nearby.

Rawang assemblyman Chua Wei Kiat, who heard about the situation, visited the flats and later the burning sites together with enforcement officers from Selangor Municipal Council (MPS), Selangor Drainage and Irrigation Department (DID) and Selangor Department of Environment (DOE).

"After about 15 minutes driving along an unnamed road, we began spotting piles of rubbish scattered in small amounts near the river.

"Most of the rubbish consisted of plastic containers, old tyres, broken furniture and used bottles of chemical products," said Chua.

Some piles were construction waste materials such as broken tiles and empty paint tins, he added.

"As we drove further and passed several factories, piles of burnt rubbish began to emerge, a few of which seemed still fresh and looked like they were set alight the night before."

"It is difficult to understand why these people are willing to come all the way here to dispose of their waste," said Chua who had a tough time making his way through the bumpy path before finding the site himself.

He stopped his vehicle a few times along the way to snap photographs of the rubbish.

He admitted that it would be an uphill task to find the culprits of the illegal dumping and open burning.

After discussing with the enforcement officers, Chua said his team would contact Selangor Land and Mines Department to get details on the owner of the land in question.

"Once we know who the land-



Enforcement officers assessing the situation at the illegal dumpsite on private land.



(From left) Chua and his assistant Jackson Tan listening to complaints from residents at Pangaspuri Nur Fasa 20A.

owner is, we will issue a notice to them," he said, adding that it was the landowner's responsibility to secure their property and prevent trespassers.

Meanwhile, Selangor DOE said it would monitor sites near the rivers to ensure the water quality was not affected by the illegal activities.

When asked if a boom gate would be installed to deter outsiders from entering the area, Chua said such an action would need the agreement of all the landowners in the area, which might take time.

As immediate measure, he said MPS would monitor the situation by conducting frequent visits to the sites.

"We will look into the possibility of installing closed-circuit television cameras to try and nab the culprits," he added.



KERATAN AKHBAR 10 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	'Give us city services'
MUKA SURAT	4

'Give us city services'

Residents want quality of life to improve to reflect MPSJ's new status

By BRENDA CH'NG and OH ING YEEN
metro@thestar.com.my

AFTER a five-year wait, Subang Jaya is one step closer to becoming a city. This follows the green light from the Selangor government for the municipality to be upgraded to a city council.

"We have approved Subang Jaya Municipal Council's (MPSJ) application to become a city and we are now waiting for the Federal Government's approval."

"Once approved, MPSJ will be upgraded to Subang Jaya City Council," said state local government, public transport and new village development committee chairman Ng Sze Han.

Covering 16,180ha, MPSJ's administration covers Subang Jaya, Bandar Sunway, Putra Heights, Seri Kembangan, Seri Serdang, Puchong as well as parts of Balakong and Batu Tiga.

According to the Statistics Department, the population within its jurisdiction was 798,830 as of 2015.

In 1997, Subang Jaya was carved out from the then Petaling Jaya District Council and upgraded to become a municipality.

Ever since then, the urban township has grown by leaps and bounds and has been working towards becoming a city. It first applied for city status in 2014.

Currently, there are two other city councils in the state — Petaling Jaya City Council, which achieved the status in 2006, and Shah Alam City Council in 2010.

"Apart from MPSJ, the state has also approved for Kuala Langat District Council (MDKL) to be upgraded to a municipality and we are now also awaiting the Federal

Government's approval," said Ng.

He was speaking to reporters at an appreciation ceremony for local authorities in the state that achieved five stars for their performance last year. The event was held at the Selangor state secretariat in Shah Alam.

Ng said Kuala Selangor District Council (MDKS) had also submitted an application to be upgraded but it was not approved yet due to some improvements that still needed to be made.

"We set very high standards for this and MDKS actually met the basic requirements but we want to see more, such as the financial status, for example, is not good enough yet," he said before urging it to resubmit the application next year.

Services must improve

Seri Kembangan village security and development committee (JKKK) chairman Thong Kim Fatt viewed the news of MPSJ obtaining city status positively.

"If MPSJ can get city status, it means it has the necessary amenities and services.

"Hopefully the city status can benefit residents and we will get better services," he said.

Lake Edge Residents Association (RA) secretary Mariam Osman said MPSJ would first need to ensure its services reflected its new city status.

"I would like for MPSJ to have city status, but it needs to improve its services.

"We see less frequent waste collection and public cleaning and when we ask the contractors, they say it is due to budget cuts.

"What is the point of having city status if the council is incompetent in providing ser-

vices to taxpayers?" she asked.

It was previously reported that residents were concerned about the possibility of higher assessment tax with the city status.

On this, Mariam said, "I would not mind paying a little more if it means improved services. We understand that labour cost has gone up and that MPSJ has not increased its assessment tax in years."

Subang Jaya Residents Association and SS17 Rukun Tetangga chairman AB Naicker said becoming a city had its advantages but many are not overjoyed at the news.

"Many of us are concerned that MPSJ is not delivering its services as expected and we are worried that it is just a status and it might not bring any improvement to the residents' quality of life.

"I'm hoping I am wrong and that the city status means higher allocation from the government. And if the city status brings higher assessment taxes, does that mean better services if we are paying more?" he said.

This year, Selangor also created history with all its 12 local councils receiving five stars for their performance last year, through the Federal Government's Local Government Star Rating System under the National Council for Local Government.

"For the first time ever, all local councils here received five stars as compared with 2016, whereby only 10 councils received five stars," said Ng.

The rating system which started in 2007 is aimed at ensuring local councils nationwide strive to operate more efficiently and offer the best services to their stakeholders.

"I hope local councils will continue doing their best and putting the people first and tending to their needs," said Ng.



Ng (front row, fourth from left) with representatives from local councils in Selangor who received their five-star rating certificate.
— RAJA FAISAL HISHAN/The Star



KERATAN AKHBAR 10 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	Selangor's mobile parking app now covers KL
MUKA SURAT	4

Selangor's mobile parking app now covers KL

By YOSINI DEVI
metro@thestar.com.my

MOTORISTS in Kuala Lumpur can now make parking payments via the Smart Selangor Parking (SSP) mobile app, which allows motorists to pay for street parking via their smartphones.

The integrated parking system is already being used by seven local councils in Selangor since it was introduced in July 1 last year.

"Now, Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is on board and is already integrated in this smart parking app, making it more convenient for users," said state local government, public transport and new village development committee chairman Ng Sze Han.

He was speaking with reporters after awarding all 12 local councils five stars in accordance with the Federal Government's Local Government Star Rating System.

Apart from that, motorists can also use the app to pay for "off-street parking", which involves private parking lots.

"For a start, we are working with a few private operators in Petaling Jaya, and four of the parking lots are now integrated with the app.

"Users will only need to scan a QR code with their mobile app before entering the parking lot to make payment," he said.

Currently, the SSP app can be used at Paramount and Asia Jaya LRT, Kelana Jaya stadium and Atria hawker stalls parking lots.

In a bid to encourage more motorists to use the app, there is a one-month promotion starting now until Aug 9.

For every top-up of RM50 up to RM99 in the app, users will receive an additional RM1 credit, RM3 credit for every RM100 to RM199 top-up, RM6 for every RM200 to RM299 top-up, RM9 for every RM300 to RM399 top-up, and RM12 for every RM400 to RM499 and above.

Ng added that the smart parking app was an alternative payment method for motorists in addition to the coin or coupon system which are still in use.

"We are now working to include more off-street parking areas in the app," he added.



KERATAN AKHBAR 10 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	KOSMO
TAJUK BERITA	Tengku Ismail Shah mangkat
MUKA SURAT	6

Jenazah ayahanda saudara Sultan Selangor dimakamkan di Klang

Tengku Ismail Shah mangkat

KLANG — Jenazah Tengku Besar Putra Selangor, Tengku Ismail Shah Alhaj, iaitu ayahanda saudara kepada Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah yang mangkat kelmarin selamat dimakamkan di Makam Diraja Klang, di sini, semalam.

Almarhum mangkat di Pusat Perubatan Subang Jaya pada pukul 8 malam pada usia 84 tahun kerana sakit tua.

Almarhum Tengku Ismail Shah yang diputerakan pada 26 Jun 1935 merupakan anakanda keenam daripada tujuh anakanda Sultan Selangor ketujuh, Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj.

Almarhum juga merupakan adinda kepada Al-

marhum Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah Alhaj iaitu ayahanda Sultan Sharafuddin.

Terdahulu, jenazah Tengku Ismail Shah dimandikan dan disolatkan di Masjid Istana Diraja di Istana Alam Shah di sini, dengan diimamkan oleh Timbalan Mufti Selangor, Datuk Dr. Anhar Opir.

Jenazah kemudiannya dibawa menaiki van jenazah ke Makam Diraja tersebut.

Menggunakan penggunaan pungung diraja dan diiringi Jejawat Diraja, jenazah Tengku Ismail Shah dibawa ke makam dan selamat dimakamkan pada 11.30 pagi semalam.

Turut berangkat menziarahi jenazah Almarhum adalah Sultan Sharafuddin



TENGKU ISMAIL SHAH



SULTAN Sharafuddin (tengah) berkenan menyiram air mawar ke atas pusara Almarhum Tengku Ismail Shah yang dimakamkan di Makam Diraja Klang semalam.

lis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Khusrin Munawi. Selain kerabat diraja dan Orang-orang Besar Istana Selangor, rakyat je-

din diiringi Tengku Laksamana Selangor, Tengku Sulaiman Shah.

Sultan Sharafuddin kemudiannya memulakan upacara menyiram air mawar diikuti kerabat Diraja yang lain.

Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari dan Pengerusi Maj-

lata turut memberi penghormatan terakhir kepada Almarhum.



KERATAN AKHBAR 10 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	KOSMO
TAJUK BERITA	Wan Ji dijel hina Sultan Selangor
MUKA SURAT	14

Mahkamah tambah hukuman penjara daripada sembilan bulan kepada setahun

Wan Ji dijel hina Sultan Selangor

SHAH ALAM — Padah menghina Sultan Selangor di laman sosial Facebook (FB) tujuh tahun lalu, penceramah bebas Wan Ji Wan Hussin terpaksa meringku dalam penjara setahun selepas Mahkamah Tinggi Shah Alam di sini semalam menolak rayuaninya.

Hakim Abdul Halim Aman memindah hukuman dengan menambah hukuman Wan Ji, 36, daripada sembilan bulan kepada setahun selepas memberi pertimbangan terhadap rayuan silang pihak pendakwaan.

Abdul Halim dalam penghakimannya berkata, kenyataan yang dilakukan tertuduh

adalah terang lagi bersuluh. "Penerbitan kata-kata itu adalah satu penghinaan terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Apa yang diterbitkan daripada penerbitan itu bukan sahaja sesuatu yang menghasut malah ia cuba menanam sifat kebencian rakyat terhadap institusi raja-raja.

"Ini adalah satu tindakan yang melampaui batasan kita kena ingat kepada prinsip Rukun Negara iaitu Kesetiaan Kepada Raja. Walaupun sebagian warganegara kita diberi banyak kebebasan, namun ia ada had dan ia masih tertakluk kepada undang-undang dan normal kehidupan," katanya.

Sementara itu, Wan Ji menerusi peguamnya, Mohd. Radzlan Jalaludin memo hor penangguhan hukuman bagi memfaikan rayuan di Mahkamah Rayuan.

Bagaimanapun, mahkamah memerintah peguam memfaikan permojonan penangguhan tersebut secara rasmi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Asnavi Abu Hanipah.

Wan Ji didakwa menerbitkan perkataan yang menghina Sultan Sharafuddin Idris Shah termasuk membabitkan isu agama dalam FB dengan nama wanji.attaaduddi pada 10 September 2014.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di Pejabat Perumahan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah, Seksyen 5, di sini, pada 10 pagi, 5 November 2012.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan 1948 iaitu denda maksimum RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama.

Bagi kesalahan kedua dan seterusnya, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum lima tahun, jika sabit kesalahan.



WAN JI dipenjara setahun atas dakwaan menghina Sultan Sharafuddin melalui FB lima tahun lalu. — Gambar fail



KERATAN AKHBAR

10 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	SINAR
TAJUK BERITA	Hasut hina Sultan Selangor :Wan Ji ke penjara 12 bulan
MUKA SURAT	11

Hasut hina Sultan Selangor: Wan Ji ke penjara 12 bulan

SHAH ALAM - Penceramah bebas, Wan Ji Wan Hussin dihukum penjara selama setahun oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam kerana menerbitkan perkataan menghasut terhadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, tujuh tahun lalu.

Hakim, Datuk Abdul Halim Aman turut memindah hukuman kepada setahun setelah memberi pertimbangan terhadap rayuan sifang pihak pendakwaan.

"Setelah menimbang faktor mitigasi dan keseriusan kes, mahkamah memindah hukuman sembilan bulan yang dijatuhi oleh Hakim Mahkamah Sesyen pada 2018, kepada penjara bagi tempoh satu tahun yang berkuat kuasa hari ini (semalam)," katanya.

Abdul Halim berkata, pernubitan kata-kata menghasut adalah satu penghinaan terhadap Sultan Selangor.

"Ini satu tindakan yang melampaui batasan dan kita kena ingat kepada prinsip Rukun Negara iaitu Kesetiaan Kepada Raja-raja.

"Walaupun, kita sebagai rakyat Malaysia diberi banyak kebebasan, namun ia ada had dan masih tertakluk kepada undang-undang dan norma kehidupan," katanya.

Wan Ji, 37, menerusi peguamnya, Mohd Radzlan



Wan Ji diliringi polis selepas Hakim, Datuk Abdul Halim Aman memindah hukuman kepada setahun semalam.

Jalaludin memohon hukum ditangguhkan atas alasan bagaimanapun, Abdul Halim memerintah peguam

PKR bersolidariti untuk Wan Ji

KUALA LUMPUR - PKR berpendapat tidak wajar penceramah bebas, Wan Ji Wan Hussin dihukum penjara di bawah Akta Hasutan 1948 kerana kerajaan Pakatan Harapan (PH) menyifatkan ia sebagai perundungan drakonian.

Pengarah Komunikasi PKR, Fahmi Fadil berkata, PKR akan bersolidariti dengan Wan Ji untuk memastikan Akta Hasutan akan dibalik secara dalaman.

"Saya kesal dengan hukuman terhadap

Wan Ji. Mujur masih ada proses rayuan, jadi ia boleh diusahakan.

"Saya simpati dengan keluarga beliau dan mengharapkan keadilan kerana PH kali ini tidak menggunakan akta-akta yang kita anggap undang-undang drakonian dan kuku besi termasuk Akta Hasutan.

"Saya sendiri akan berusaha bertanya-pada pihak kerajaan apa yang boleh diusahakan," katanya kepada media di lobi Parlimen semalam.

memfailkan permohonan tersebut secara rasmi.

Pada prosiding itu, pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Asnawi Abu Hanipah.

Pada 9 April 2018, Hakim Mahkamah Sesyen Shah Alam, Mohd Sabri Ismail menjatuhkan hukuman penjara sembilan bulan terhadap Wan Ji bagi kesalahan sama.

Pada 10 September 2014, Wan Ji mengaku tidak bersalah menerbitkan perkataan menghina Sultan Sharafuddin termasuk membabitkan isu agama dalam akaun Facebook *wanji.attaaaduddi*.

Kesalahan itu dilakukan pada 5 November 2012.

Wan Ji kini merupakan ahli PKR dan pernah menjadi penasihat agama kepada bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng.



KERATAN AKHBAR 10 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	SINAR
TAJUK BERITA	Padah ubah suai kereta
MUKA SURAT	33

Padah ubah suai kereta

Polis keluar tiga saman, sita kenderaan untuk pemeriksaan JPJ

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM

Polis mengesahkan sudah menahan seorang lelaki yang tular di Facebook kerana memandu sebuah kereta diubah suai dengan meletakkan mesin rumput, baldi dan rangka motosikal serta basikal atas bumbung kenderaan terbabit.

Timbalan Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Deputi Superintenden Lim Chee Khoon berkata, berdasarkan maklumat awam, pemandu berusia 55 tahun itu ditahan di Jalan Dato' Taiban di sini jam 10.30 pagi semalam.



Kenderaan pelik terbabit disita untuk tindakan lanjut JPJ.

Menurutnya, semakan polis mendapati lelaki yang memandu kereta jenis Perodua Viva itu melakukan tiga kesalahan trafik.

"Polis mengeluarkan tiga saman iaitu lesen memandu tamat tempoh, cukai jalan tamat tempoh dan membawa lebih muatan berbahaya.

"Kami kemudiannya menyita kenderaan terbabit untuk pemeriksaan dan siasatan lanjut Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)," katanya.

Chee Khoon berkata, lelaki terbabit sebelum ini mempunyai dua rekod trafik iaitu melanggar lampu isyarat merah dan pernah

terbabs kemalangan motosikal.

Katanya, hasil semakan mendapati kenderaan itu didaftarkan atas nama seorang adik perempuannya.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 64(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987," katanya.

Selain meletakkan beberapa barang atas bumbung kereta, badan kenderaan itu turut di-conteng dengan tulisan 'hari bumi rumput', 'mahir pelbagai kerja' dan pelekat bermombor 17 selain meletakkan sabit sawit di sisi kiri kereta.

Semalam Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabak, Ahmad Mustain Othman dalam satu hantaran di Facebooknya meminta pihak berwajib mengambil tindakan terhadap pemandu tersebut.

"Tindakannya meletakkan barang menjelaskan pemandangan dan mengganggu parkir awam," katanya.



KERATAN AKHBAR 10 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	METRO
TAJUK BERITA	'kata-kata terang lagi bersuluh'
MUKA SURAT	17

'Kata-kata terang lagi bersuluh'

■ *Mahkamah Tinggi tambah hukuman terhadap sabitan Wan Ji bersalah hina Sultan Selangor*

Siraj Mohd Zaini
siraj@hmetro.com.my

Shah Alam

Mahkamah Tinggi semalam, menolak rayuan penceramah bebas Wan Ji Wan Hussin, 37, terhadap sabitan dan hukuman sembilan bulan penjara kerana menerbitkan perkataan menghasut dan menghina Sultan Selangor, tujuh tahun lalu.

Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Abdul Halim Aman turut memindah hukuman berkenaan kepada setahun penjara terhadap Wan Ji berkuat kuasa semalam selepas mempertimbangkan rayuan silang pihak pendakwaan.

Menurut Abdul Halim, kata-kata yang dinyatakan terduduh adalah terang lagi bersuluh.

"Penerbitan kata-kata itu



WAN Ji selepas rayuannya ditolak Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam.

adalah satu penghinaan terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

"Apa yang diterbitkan daripada penerbitan itu bukan

sahaja sesuatu yang menghasut malah cuba menanam sifat kebencian rakyat terhadap institusi raja.

"Ini adalah satu tindakan

yang melampaui batasan, kita kena ingat kepada prinsip Rukun Negara iaitu kesetiaan kepada raja.

"Walaupun sebagai warga-

negara kita diberi banyak kebebasan, namun ada had dan masih tertakluk kepada undang-undang dan norma kehidupan.

"Jangan kita lupa satu lagi prinsip Rukun Negara iaitu kesopanan dan kesusilaan," katanya.

Wan Ji didakwa pada 10 September 2014 menerbitkan perkataan yang menghina Sultan Sharafuddin Idris Shah termasuk membabitkan isu agama dalam Facebook (FB) dengan nama wanji.attaauddi.

Diadu di Mahkamah Rayuan di Pejabat Perumahan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah, Seksyen 5, di sini, jam 10 pagi, 5

November 2012.

Dia boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan 1948 iaitu denda maksimum RM5,000 atau penjaraya tidak lebih tiga tahun atau keadaan dua-duanya bagi kesalahan pertama jika sabit kesalan.

Untuk kesalahan kedua dan seterusnya, dia boleh dikenakan hukuman penjara maksimum lima tahun jika sabit kesalahan.

Tertuduh diwakili peguam Mohd Radzlan Jalaludin dan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Asnavi Abu Hanipah.

Terdahulu, Mohd Radzlan memohon hukuman terbabit ditangguhkan sementara piagam mengemukakan rayuan di Mahkamah Rayuan. Abdul Halim bagaimanapun memerintahkan peguam memfailkan permo-honan terbabit secara rasmi. +

FAKTA
Hukuman penjara dipinda dari sembilan bulan kepada setahun